



GARISPANDUAN BAGI PERJALANAN MASUK DAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UDARA – DARAT – LAUT

1. PENGENALAN:

- (a) Dokumen ini menghuraikan syarat-syarat dan prosedur bagi **perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam** bagi apa jua perjalanan iaitu sama ada **melalui udara, darat dan laut**.

2. TUJUAN PERJALANAN:

- (a) Individu bolehlah membuat perjalanan masuk ke Negara brunei Darussalam atau perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam melalui udara, darat dan laut bagi **apa jua tujuan (termasuk perjalanan bukan mustahak)**.

Individu tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran "Entry Travel Pass" sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam atau kebenaran keluar negara "Exit Approval" sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam.

3. VISA:

3.1. VISA KEMASUKAN

- (a) **Mana-mana warganegara asing yang dipersyaratkan untuk mendapatkan Visa Kemasukan** untuk memasuki Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mendapatkan **Visa yang bersesuaian terlebih dahulu** selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada lazimnya seperti Visa Bekerja, Visa Tanggungan, Visa Lawatan, Visa Lawatan Profesional dan Visa Bisnes.

3.2. VISA MASUK SEMULA (RE-ENTRY VISA)

- (b) Mana-mana warganegara asing yang menetap di negara ini samada di bawah jaminan pas kerja, pas lawatan (sosial, professional dan perniagaan), pas penuntut ataupun pas tanggungan, yang berhasrat untuk keluar negara secara sementara dan masuk semula ke Negara Brunei Darussalam, maka mereka adalah dikehendaki untuk mendapatkan **Visa Masuk Semula (Re-Entry Visa)** sebelum tarikh perjalanan keluar negara.
- (c) Syarat yang tersebut di atas adalah **khusus** bagi warganegara asing yang mana kerakyatannya dipersyaratkan untuk mendapatkan Visa Masuk Semula.

4. PENELITIAN SYARAT-SYARAT PERJALANAN

- (a) Penelitian dan pengemaskinian syarat-syarat perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam adalah tertakluk kepada penilaian risiko berterusan dan perkembangan situasi COVID-19.

PERJALANAN MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Udara - Darat - Laut

A. SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS

A.1. SYARAT VAKSINASI

- A.1.1 **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam** (tanpa mengira status vaksinasi) adalah dibenarkan untuk kembali ke negara ini.
- A.1.2 **Warganegara asing** yang hendak memasuki negara ini adalah dikehendaki untuk **lengkap divaksinasi** (Apendiks 1).
- (a) **Definisi "Vaksinasi penuh" bagi warganegara asing** adalah **mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) dos vaksin COVID-19**.
- (b) **Warganegara asing yang belum lengkap divaksinasi tidak dibenarkan** untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, kemasukan ke Negara Brunei Darussalam boleh dipertimbangkan jika mempunyai Sijil pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19.
- A.1.3 **Individu-individu di bawah umur 18 tahun** adalah **dikecualikan** daripada memenuhi syarat vaksinasi yang tersebut di atas dan dibolehkan untuk mengikuti protokol "Vaccinated traveller" semasa tiba di Negara Brunei Darussalam.

**Individu yang mempunyai sijil pengesahan pemulihan jangkitan COVID-19 adalah dikecualikan daripada syarat vaksinasi bagi tempoh 6 minggu dari tarikh jangkitan.*

A.2. BORANG DEKLARASI KETIBAAN E-HEALTH

- A.2.1 **KESEMUA individu dikehendaki** untuk melengkapkan **Borang Deklarasi Ketibaan E-Health** melalui laman web: www.healthinfo.gov.bn/travel

A.3. PEMBAYARAN BAGI UJIAN COVID-19 SETELAH KETIBAAN

- A.3.1 **Hanya individu yang belum lengkap divaksinasi dikehendaki** untuk membuat pembayaran awal bagi ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah ketibaan. Kos pembayaran adalah sebanyak BND\$100.00 dan pembayaran bolehlah dibuat secara dalam talian melalui laman web: www.healthinfo.gov.bn/travel

A.4. INSURAN PERUBATAN PERJALANAN YANG MELIPUTI PERLINDUNGAN COVID-19

- A.4.1 **Warganegara asing yang hendak memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan lawatan jangka pendek ("short-visit")** yang mana tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam kurang daripada 90 hari, adalah **dikehendaki** untuk mendapatkan **Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$20,000)**. Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.
- A.4.2 Individu-individu yang **dikecualikan** daripada mendapatkan Insuran perubatan perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah disenaraikan dalam **Apendiks II**.

B. PROSEDUR SETELAH KETIBAAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- B.1 Ujian COVID-19 dan pengasingan diri mandatori setelah ketibaan di Negara Brunei Darussalam **tidak lagi diperlukan** bagi **individu-individu yang lengkap divaksinasi**.
- B.2 **Hanya individu-individu yang belum lengkap divaksinasi dikehendaki** untuk:
- (a) Menjalani ujian ART pada Hari ketibaan (Hari Ke-1).
 - (b) Menjalani pengasingan diri mandatori sehingga mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dilakukan pada Hari Ke-3. Ujian RT-PCR bolehlah dibuat di klinik kesihatan yang memberikan perkhidmatan ujian swab RT-PCR, yang mana boleh didapati melalui pautan: <https://www.pmo.gov.bn/EPG/Perjalanan.aspx>
- B.3 Ujian COVID-19 setelah ketibaan juga **tidak diperlukan** bagi individu-individu yang membuat perjalanan melalui darat & laut atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut, perjalanan transit dan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
- B.4 Ujian saringan ART berjadual bagi "*transport operators*" adalah **tidak lagi diperlukan**. Walaubagaimanapun, mereka disarankan untuk membuat ujian ART sendiri dari masa ke semasa dan jika mempunyai simptom jangkitan atau menjadi kontak rapat kepada kes positif.

PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Udara - Darat - Laut

C. SYARAT-SYARAT BAGI PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

C.1. SYARAT VAKSINASI

- C.1.1 **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 12 tahun dan ke atas** adalah dikehendaki untuk **lengkap divaksinasi** (Apendiks I) bagi membuat **perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam**.
- (a) **Definisi “vaksinasi penuh” bagi rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam** adalah mempunyai **sekurang-kurangnya tiga (3) dos vaksin COVID-19 atau jika belum mendapatkan dos ketiga, mereka telah mendapatkan dos kedua vaksin COVID-19 dalam masa tidak lebih dari tiga (3) bulan sebelum tarikh meninggalkan negara ini**.
- C.1.2 **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 12 tahun ke bawah** adalah **dikecualikan** daripada memenuhi syarat vaksinasi yang tersebut di atas semasa membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam, tertakluk kepada apa jua syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara destinasi.
- C.1.3 **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang belum lengkap divaksinasi** boleh membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki untuk mengemukakan Sijil pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19.
- C.1.4 **Warganegara asing (tanpa mengira status vaksinasi)** adalah **dibenarkan** untuk membuat perjalanan keluar negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, mereka mesti memenuhi syarat vaksinasi untuk memasuki / kembali ke Negara Brunei Darussalam.

**Individu yang mempunyai sijil pengesahan pemulihan jangkitan COVID-19 adalah dikecualikan daripada syarat vaksinasi bagi tempoh 6 minggu dari tarikh jangkitan.*

C.2. PENDAFTARAN E-REGISTER

- C.2.1 **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam** adalah dikehendaki untuk melengkapkan **pendaftaran e-Register** di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri: <http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx>.

C.3 INSURAN PERUBATAN PERJALANAN YANG MELIPUTI PERLINDUNGAN COVID-19

- C.3.1 **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$20,000)** jika membuat perjalanan bagi tujuan lawatan pendek (*short visit*). Insuran tersebut hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di luar negara.
- C.3.2 Individu-individu yang **dikecualikan** daripada mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah disenaraikan dalam **Apendiks II**.

C.4 PENDAFTARAN BAGI PENUNTUT PERSENDIRIAN

- C.4.1 **Penuntut-penuntut persendirian (rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam)** yang akan memulakan pengajian di luar negara atau kembali ke negara pengajian perlu melengkapkan Borang Pendaftaran Kementerian Pendidikan bagi penuntut persendirian secara dalam talian: bit.ly/pendaftaranprivatetestudent

C.5. SYARAT-SYARAT NEGARA DESTINASI

- C.5.1 Individu adalah bertanggungjawab untuk **memastikan kesemua syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh negara destinasi dipatuhi**. Sila semak syarat-syarat dan prosedur perjalanan masuk ke negara destinasi.
- C.5.2 Jika negara destinasi menghendaki individu untuk menjalani ujian RT-PCR atau ART sebelum berlepas, individu bolehlah menjalani ujian RT-PCR di pusat kesihatan atau klinik kesihatan swasta yang memberikan perkhidmatan berkenaan atau ujian ART di pusat-pusat ART yang diiktiraf, yang mana boleh didapati melalui pautan: <https://www.pmo.gov.bn/EPG/Perjalanan.aspx>

C.6. KEMBALI KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- C.6.1 Individu hendaklah mematuhi **kesemua syarat-syarat perjalanan masuk dan protokol kesihatan** semasa kembali ke Negara Brunei Darussalam.

LAIN-LAIN KEPERLUAN

PERJALANAN UDARA

D.1. PENUMPANG-PENUMPANG “TRANSIT/TRANSFER”

- D.1.1 Penumpang-penumpang adalah dibenarkan untuk membuat **perjalanan “transit/transfer”** melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju ke negara destinasi. **Penumpang-penumpang “transit/transfer”** dikenakan dikehendaki untuk **lengkap divaksinasi** dan **mematuhi syarat-syarat lain yang dikuatkuasakan oleh negara destinasi**.
- D.1.2 Penumpang-penumpang “transit/transfer” yang berhasrat untuk menjalani pemeriksaan imigresen setelah ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan mendaftar masuk semula (“*check-in again*”) bagi penerbangan seterusnya ke Negara Destinasi, adalah bertanggungjawab untuk memastikan mereka memenuhi kesemua syarat-syarat masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam sepertimana lazimnya.

PERJALANAN DARAT & LAUT

D.2. PERJALANAN TRANSIT

- D.2.1 **Perjalanan transit dengan melintasi Negara Brunei Darussalam** mulai dari satu pos kawalan (semasa masuk) ke satu pos kawalan yang lain (semasa keluar) adalah dibenarkan dengan syarat ianya dilaksanakan **pada hari / tarikh yang sama** dan kesemua syarat-syarat perjalanan masuk dan keluar adalah dipatuhi, **kecuali** keperluan bagi mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (Apendiks II).

D.3. BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK (CAJ PERKHIDMATAN (CaP))

- D.3.1 Mana-mana individu yang hendak keluar dari atau masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki (*pedestrian*) akan dikenakan **Caj Perkhidmatan yang mana kadar caj adalah sebanyak BND\$3.00 seorang bagi setiap satu hala perjalanan**. Permohonan hendaklah dihadapkan melalui *Exit and Entry System* (EES), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang boleh di akses melalui <https://login.bdns.gov.bn/ees> dan seterusnya mendapatkan **kod QR EES**.

PERJALANAN UDARA, DARAT & LAUT

D.4. KEBENARAN / PERMIT / SOKONGAN

- D.4.1 Individu/*Transport Operators* hendaklah terlebih dahulu mendapatkan **kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan**. Sila semak syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

D.5. DOKUMEN

- D.5.1 Individu adalah dikehendaki untuk mengemukakan **KESEMUA dokumen-dokumen perjalanan yang sah** kepada pihak-pihak berkuasa di Lapangan Terbang atau pos-pos kawalan. Sila rujuk Senarai Semak Perjalanan Masuk dan Keluar Negara Brunei Darussalam.

SENARAI SEMAK BAGI PERJALANAN MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UDARA - DARAT - LAUT

SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS

KATEGORI	Status Vaksinasi	Borang Deklarasi Ketibaan E-Health	Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19	Lain-Lain
Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam	⊖ Tanpa mengira status vaksinasi		⊗ Tidak diperlukan	<ul style="list-style-type: none"> Passport yang sah Visa /Pas Imigresen
Warganegara asing yang lengkap divaksinasi (18 tahun & ke atas)	✔ Mendapatkan sekurang-kurangnya dua (2) dos vaksin COVID-19	✔	✔ Diperlukan bagi lawatan pendek	<ul style="list-style-type: none"> Resit pembayaran* bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan (Kos pembayaran: BND\$100) Mendapatkan Kod QR melalui Exit and Entry System (EES) bagi kenderaan dan/atau penumpang yang membuat perjalanan darat & laut Membuat pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) bagi individu yang membuat perjalanan darat
Warganegara asing yang belum lengkap divaksinasi (18 tahun & ke atas)	⊗ Sijil pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19			<ul style="list-style-type: none"> Membuat pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) bagi individu yang membuat perjalanan darat
Warganegara asing (18 tahun ke bawah)	⊖ Dikecualikan daripada memenuhi syarat vaksinasi		Perlindungan minimum insuran adalah sebanyak BND\$20,000.	*Hanya bagi individu yang belum lengkap divaksinasi











Borang Deklarasi Ketibaan E-Health: <http://www.healthinfo.gov.bn/travel>
 Exit and Entry System (EES): <https://login.bdnew.gov.bn/ees/user/login>

Individu tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran "Entry Travel Pass" sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam atau kebenaran keluar negara "Exit Approval" sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam.

PROSEDUR KETIBAAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KATEGORI	Ujian COVID-19 setelah ketibaan	Pengasingan Diri Mandatori (Rumah kediaman atau hotel penginapan)
Lengkap divaksinasi (18 tahun & ke atas)	⊗	⊗
Berumur 18 tahun ke bawah (tanpa mengira status vaksinasi)	⊗ Mengikuti protokol "Vaccinated traveller"	⊗ Mengikuti protokol "Vaccinated traveller"
Belum lengkap divaksinasi	✔ Ujian ART pada Hari Ketibaan (Hari Ke-1) & Ujian RT-PCR pada Hari Ke-3	✔ Menjalani pengasingan diri mandatori sehingga menerima keputusan ujian RT-PCR

SENARAI SEMAK BAGI PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UDARA - DARAT - LAUT

KATEGORI	Status Vaksinasi	Pendaftaran E-Register	Insuran Perubatan Perjalanan Yang Meliputi Perlindungan COVID-19	Lain-Lain
Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (12 tahun & ke atas)	Lengkap divaksinasi		 Diperlukan bagi lawatan pendek	<ul style="list-style-type: none"> • Pasport yang sah • Dokumen-dokumen perjalanan lain • Visa Masuk Semula* ▪ Mendapatkan Kod QR melalui Exit and Entry System (EES) bagi kenderaan dan/atau penumpang yang membuat perjalanan darat & laut • Membuat pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) bagi individu yang membuat perjalanan darat
	 Mendapatkan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ sekurang-kurangnya tiga (3) dos vaksin COVID-19; ATAU ▪ jika belum mendapatkan dos ketiga, mereka telah mendapatkan dos kedua vaksin COVID-19 dalam masa tidak lebih dari tiga (3) bulan sebelum tarikh meninggalkan negara ini. 			
	Belum lengkap divaksinasi			
Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (12 tahun ke bawah)	 Sijil pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19		 Dikecualikan daripada memenuhi syarat vaksinasi	
	Pendaftaran E-Register: http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx Exit and Entry System (EES): https://login.bdnsw.gov.bn/ees/user/login			
Warganegara asing (mana-mana umur)	Dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara tanpa mengira status vaksinasi. Nota: Walau bagaimanapun, mereka mesti memenuhi syarat vaksinasi untuk masuk / kembali ke Negara Brunei Darussalam.			*Khusus bagi warganegara asing yang dipersyaratkan untuk mendapatkan Visa Masuk Semula

Individu tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran "Entry Travel Pass" sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam atau kebenaran keluar negara "Exit Approval" sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam.

APENDIKS I DEFINISI “LENGKAP DIVAKSINASI”

PERJALANAN MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (UDARA, DARAT & LAUT)

- Individu telah mendapatkan sekurang-kurangnya dua (2) dos vaksin COVID-19 yang dibenarkan di bawah “WHO Emergency EU Listing”.
- Individu mempunyai sijil bukti vaksinasi yang dikeluarkan oleh autoriti kesihatan yang diiktiraf (sebolehnya sijil digital) atau Sijil Antarabangsa Vaksinasi WHO / *WHO International Certificate of Vaccination* (Buku kuning).
- Individu-individu dibawah umur 18 tahun adalah dikecualikan daripada memenuhi syarat vaksinasi yang tersebut di atas dan akan dibenarkan untuk mengikuti protokol “Vaccinated Traveler” setelah tiba di Negara Brunei Darussalam.

*Individu-individu yang belum mendapatkan vaksinasi COVID-19 yang lengkap adalah individu-individu yang tidak memenuhi syarat-syarat yang disenaraikan di atas.

PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (UDARA, DARAT & LAUT)

- Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam telah mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) dos vaksin COVID-19 yang dibenarkan di bawah “WHO Emergency Use Listing” atau jika belum mendapatkan dos ketiga, mereka telah mendapatkan dos kedua vaksin COVID-19 dalam masa tidak lebih dari tiga (3) bulan sebelum tarikh meninggalkan negara ini.
- Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dibawah umur 12 tahun adalah dikecualikan daripada memenuhi syarat vaksinasi yang tersebut di atas semasa membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam, tertakluk kepada apa jua syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh negara destinasi.
- Individu mempunyai sijil bukti vaksinasi yang dikeluarkan oleh autoriti kesihatan yang diiktiraf (sebolehnya sijil digital) atau Sijil Antarabangsa Vaksinasi WHO / *WHO International Certificate of Vaccination* (Buku kuning).

*Individu-individu yang belum mendapatkan vaksinasi COVID-19 yang lengkap adalah individu-individu yang tidak memenuhi syarat-syarat yang disenaraikan di atas.

*Warganegara asing (tanpa mengira status vaksinasi) boleh membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam.

APENDIKS II INDIVIDU-INDIVIDU YANG DIKECUALIKAN DARIPADA MENDAPATKAN INSURAN PERUBATAN PERJALANAN YANG MELIPUTI COVID-19

Individu-individu yang **dikecualikan** daripada diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah seperti berikut:

- (a) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam.
- (b) Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan.
- (c) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke luar negara atas tujuan bertugas, melanjutkan pengajian, sebagai tanggungan; atau mempunyai visa/pas imigresen jangka panjang di negara destinasi.
- (d) Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke negara kerakyatan.
- (e) Warga perkhidmatan awam yang membuat perjalanan atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan. Warga perkhidmatan awam hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan mereka membuat perjalanan rasmi yang dibiayai oleh pihak kerajaan.
- (f) Individu yang membuat perjalanan melalui darat & laut atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut, perjalanan transit dan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
- (g) *Transport Operators*